


UMS atur pelbagai acara semasa perayaan konvokesyen Sabtu ini

BM 07.09.1999

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengatur pelbagai acara meriah dan bermakna dengan menyelitkan elemen budaya tempatan dalam perayaan sempena konvokesyen sulung universiti itu Sabtu ini.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Abu Hassan Othman berkata ia termasuk penganjuran "tamu" atau konsep pasar terbuka yang menjadi amalan budaya dan ekonomi masyarakat Bumiputera di negeri ini.



"Oleh kerana pentingnya konsep tamu dalam masyarakat Sabah, UMS telah menggantikan nama Pesta Konvo yang biasa dianjurkan di universiti-universiti di Malaysia dengan nama Tamu Gadang atau Tamu Besar," katanya pada persidangan berita di sini.

Tamu Gadang akan berlangsung selama empat hari mulai Khamis ini di tapak kampus tetap UMS di Teluk Sepanggar, dekat sini.

Antara yang telah diatur sepanjang tamu berkenaan ialah gerai jualan dan pasar tani, pameran oleh jabatan persekutuan dan negeri, demonstrasi kaligrafi Islam dan Cina, pemeriksaan kesihatan percuma serta kegiatan sukan dan hiburan. Turut dipamerkan ialah penerbitan UMS yang meliputi 30 judul buku dan jurnal.

Seramai 648 pelajar akan menerima ijazah masing-masing pada majlis konvokesyen itu yang akan berlangsung dalam dua sesi -- pagi dan petang -- di Bangunan

Dewan Undangan Negeri tidak jauh dari kampus UMS.

Daripada jumlah itu, seramai 640 akan menerima ijazah Sarjana Muda, enam ijazah Sarjana dan dua ijazah Doktor Falsafah.

Dr Abu Hassan berkata selain wakil dari universiti tempatan, konvokesyen itu turut dihadiri wakil dari universiti di Australia, Denmark, Vietnam, Thailand, Jepun, Brunei Darussalam, Filipina dan Pakistan.

Beliau turut mempelawa ibu bapa dan anak-anak untuk sama-sama merayakan konvokesyen sulung universiti berkenaan serta mengambil peluang untuk melawat ke tapak kampus tetap UMS berharga RM1.12 bilion yang dibuka buat kali pertama kepada orang ramai itu.

"Mungkin dengan melihat sendiri keadaan di universiti, anak-anak akan lebih terdorong untuk berusaha lebih gigih dalam pelajaran mereka," katanya. -- Bernama